



KITA Perlu membudayakan pembacaan al-Quran dan bukan hanya membaca yasin pada malam Jumaat. - Gambar hiasan

Perawi pertama Imam 'Asim

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD**

JIKA kita menyerot kembali pengenalan Imam-imam Qiraat dalam siri-siri terdahulu kita mendapati setiap Imam mempunyai dua perawi. Imam Nafie' umpamanya mempunyai dua perawi, pertama Qalun dan kedua Warsy.

Persoalannya kenapakah setiap Imam mempunyai dua perawi? Apakah tidak memadai dengan seorang perawi sahaja?

Bagi menjawab soalan tersebut, perlu difahami bahawa setiap perawi pertama dari Qurra Tujuh mempunyai beberapa perbezaan bacaan dengan perawi kedua.

Pernah satu ketika Imam Hafis bertanya kepada gurunya Imam 'Asim tentang kenapakah bacaan Syukbah berbeza dengan bacaannya sedangkan kedua-duanya belajar dan bertalaqi daripada guru yang sama iaitu Imam 'Asim.

Imam 'Asim menjawab: "Aku mengajar kamu al-Quran mengikut apa yang aku terima daripada guruku Abu Abdulrahman al-Sulami yang mengambil al-Quran dari gurunya Ali Ibn Abi Talib r.a yang menerimanya daripada Rasulullah SAW. Manakala Syukbah aku mengajarnya al-Quran mengikut apa yang aku terima dari guruku Zurr Ibn Hubaish yang bertalaqqi dari gurunya Abdulah Ibn Masud' r.a yang menerima al-Quran daripada Rasulullah SAW".

Menurut satu riwayat, perbezaan bacaan antara Syukbah dan Hafis untuk

Bicara Qiraat

semua al-Quran adalah lebih daripada 520 tempat. Ini adalah gambaran bahawa setiap perawi bagi imam Qiraat mempunyai bacaan tersendiri. Di samping menunjukkan ilmu periwayatan al-Quran amat luas.

Nama penuh Imam Syukbah ialah Syukbah Ibn 'Ayash Ibn Salim Abu Bakr al-Hannat al-Asadi al-Kufi. Dilahirkan pada tahun 95 hijrah.

Syukbah mempelajari al-Quran dan khatam sebanyak tiga kali di hadapan gurunya Imam 'Asim. Selain Imam 'Asim beliau juga bertalaqi dengan 'Ata Ibn al-Saib dan Aslam al-Munqiri.

Muridnya pula, Imam al-Dani menyatakan, hanya lima orang sahaja yang bertalaqqi al-Quran dengan Imam Syukbah iaitu Abu Yusuf Ya'kub ibn Khalifah al-'Asyi, Abdulrahman Ibn Hamad, 'Urwah Ibn Muhammad al-Asadi, Yahya Ibn Muhammad al-'Ulaimi dan Sahl Ibn Syuib.

Antara kata-katanya yang masyhur dan masih digunakan dalam penulisan adalah kelebihan Abu Bakr al-Siddiq bukanlah kerana banyaknya beliau bersembahyang atau berpuasa tetapi lebihnya Abu Bakr al-Siddiq adalah kerana keyakinan yang tinggi dalam dadanya.

Abu Husyam al-Rifa'ei menyatakan bahawa beliau pernah mendengar Syukbah berkata, Abu Bakr al-Siddiq adalah khalifah selepas Rasulullah SAW

berdasarkan ayat 8, surah al-Hasyr yang bermaksud: *(pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah yang telah diusir dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam) untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredhaannya serta menolong (agama) Allah dan Rasulnya mereka itulah orang-orang yang benar (imannya dan amalnya).*

Syukbah menyatakan barang siapa yang Allah namakan sebagai sadiqan maka dia tak akan menipu dan mereka berkata wahai khalifah kepada Rasulullah SAW.

Ketika Syukbah menghadapi sakarat al-maut, adik perempuannya menangis. Lalu beliau berkata mengapa kamu menangis? Lihat di sudut rumah ini, di situ aku telah khatam al-Quran sebanyak 18,000 kali.

Imam Syukbah meninggal dunia pada tahun 193 hijrah. Iktibar daripada kisah kewafatan Syukbah dan betapa kerapnya beliau khatam al-Quran menginsafkan kita betapa jauhnya kita dengan al-Quran.

Kebanyakan kita hanya khatam surah yasin setiap minggu dan tidak pernah khatam al-Quran kecuali secara berkumpulan dalam bulan Ramadan.

Justeru marilah kita jadikan al-Quran sebagai teman dan sahabat setia kita di dunia dengan membaca, menghafal dan khatamnya sekerap mungkin.

Insha-Allah al-Quran akan menjadi rakan setia dan penghibur kita di hari le mudian.